



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURULATIH OUTWARD BOUND (C.1-2 EB.3)
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURULATIH OUTWARD BOUND
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Latihan / Pendidikan / Sains Kemasyarakatan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- d) Mempunyai Diploma / Sijil dalam bidang *Outward Bound School* atau yang sebanding dan telah berkhidmat dalam jawatan bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- e) Pernah berkhidmat (Pesara) dengan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) atau anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPBD) sekurang-kurangnya dalam pangkat Sarjan.



2. Keutamaan adalah diberikan kepada calon **LELAKI**.
3. Hendaklah berumur 20 tahun ke atas dan tidak melebihi 45 tahun.
4. Berpengalaman dalam kegiatan-kegiatan pengembaraan di dalam hutan dan perairan serta dapat berenang tanpa menggunakan pelampung / jaket keselamatan di kolam renang sejauh 200 meter.
5. Calon-calun yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan pengetahuan dalam bidang berkayak / berkenu (laut / sungai berjeram), berkhemah secara berekspidisi, merentas hutan, *abseiling*, mendaki batu (*rock climbing*), mendaki gunung, menjalankan latihan, pengawasan cadaran tali menali (*ropes challenge course*) serta bidang pendidikan atau kegiatan pembangunan tidak kurang dari lima (5) tahun adalah diberi keutamaan.
6. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memimpin, mengawasi dan menjalankan kursus latihan pengembaraan *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)* yang mencabar dari segi fizikal dan mental;
2. Bertanggungjawab atas keselamatan fizikal, mental dan emosi setiap peserta semasa mengikuti kursus;
3. Menjalankan sesi tinjauan secara berkesan (*review & facilitation*) bagi para peserta untuk membolehkan mereka mendapat pelajaran daripada pengalaman mereka;
4. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan logistik yang berkaitan dengan pelaksanaan kursus secara efisien dan berkesan;
5. Menjalankan projek-projek peninjau dan *survey* di kawasan perhutanan dan perairan demi untuk mengenal pasti kesesuaiannya untuk kegiatan *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)*;
6. Membantu dalam penyediaan, pemeliharaan dan pembetulan rentis, peralatan dan kemudahan latihan, tapak perkhemahan dan tapak-tapak yang akan digunakan untuk kegiatan *Outward Bound* (misalnya, tapak *abseiling*);



7. Membuat pertunjukan, menyampaikan ceramah dan membantu dalam pameran *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)* kepada masyarakat umum dari semasa ke semasa;
8. Membantu mengendalikan dan mengimplementasikan kegiatan-kegiatan Alumni *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)* serta dalam latihan jurulatih dan kakitangan operasi baru;
9. Membuat penilaian dan laporan yang tepat, adil dan munasabah untuk peserta-peserta *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)*; dan
10. Menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh pegawai-pegawai kanan.